



**PENUTUPAN OPERASI SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM  
DI BAWAH KAWALAN  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG  
BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
BERMULA 13 JANUARI 2021 SEHINGGA  
26 JANUARI 2021**

**A. PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN SEKOLAH**

1. Semua Sekolah Agama Islam yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang akan ditutup sepanjang tempoh yang diisytiharkan PKP oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
2. Guru hendaklah bekerja dari rumah (BDR). Semua guru dikehendaki berada di stesen tempat bertugas masing-masing dan sentiasa bersedia sekiranya diarah hadir bertugas mengikut arahan dari semasa ke semasa.
3. Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) hendaklah bekerja dari rumah (BDR). Semua AKP dikehendaki berada di stesen tempat bertugas masing-masing dan sentiasa bersedia sekiranya diarah hadir bertugas dari semasa ke semasa.

4. Kakitangan yang perlu hadir ke sekolah ketika sekolah ditutup adalah :
  - i. Pihak Pentadbiran Sekolah ;
  - ii. Pekerja perkhidmatan perlu (essential services) termasuk pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan; dan
  - iii. Warden asrama dan pekerja dewan makan asrama sekiranya terdapat pelajar yang kekal tinggal di asrama.

## **B. PENGURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)**

1. PdP akan dilaksanakan bagi sekolah yang ditutup dalam tempoh penutupan sekolah. Pentadbir sekolah akan memastikan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) mengikut kesesuaian dan keupayaan akses komunikasi murid sepanjang penutupan sekolah.
2. Pihak pentadbiran sekolah hendaklah peka dengan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan pelaksanaan peperiksaan- peperiksaan awam dari semasa ke semasa.
3. Semua peperiksaan yang dilaksanakan di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang adalah ditangguhkan sehingga pemakluman berkaitan yang akan dilakukan di masa hadapan.

### **C. PENGURUSAN ASRAMA SEKOLAH**

1. Semua pelajar yang tinggal di asrama hendaklah pulang ke rumah apabila arahan penutupan sekolah.
2. Walau bagaimanapun, pelajar yang menunggu untuk diambil ibu bapa/penjaga, mereka akan berada di bawah penjagaan warden asrama. Keperluan makan dan minum pelajar sepanjang tempoh tersebut akan disediakan oleh pihak sekolah.
3. Pihak sekolah bertanggungjawab memaklumkan keberadaan pelajar di asrama sepanjang tempoh PKP kepada pihak berkuasa dan Bahagian Pendidikan, JHEAIPP dari semasa ke semasa.
4. Pihak sekolah bertanggungjawab mengeluarkan surat berkaitan pengambilan pelajar asrama untuk pulang ke rumah untuk kegunaan ibu bapa/ penjaga.

### **D. KELAS-KELAS GURU AGAMA JABATAN**

Semua kelas-kelas pengajian yang dikendalikan oleh Guru-Guru Agama Jabatan adalah dihentikan sepanjang tempoh PKP ini.

### **E. TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN**

Tarikh kuatkuasa garis panduan ini adalah pada **13 Januari 2021**

### **F. PENUTUP**

Garis panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.